

# Masyarakat tidak ambil peduli

Star B/2/2012 MS 24.

*Kemudahan parkir OKU diguna orang awam sewenang-wenangnya*

**BANTING** - Sikap orang awam yang menggunakan kemudahan parkir disediakan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di kawasan berdekatan bank menyukarkan golongan itu untuk membuat urusan.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pekan Banting baru-baru ini mendapati kemudahan itu disalah guna oleh orang awam yang kurang prihatin terhadap golongan OKU.

Papan tanda yang diletakkan di situ umpama tidak wujud dek kerana melebihi kepentingan sendiri dan fenomena ini tidak hanya berlaku di kawasan bank malah di hadapan restoran.

Seorang pemandu OKU, Azhari Sadali, 29, berkata, keadaan itu sememangnya me-

“**Jika semua tapak parkir OKU sudah diambil terpaksalah kami OKU ini menggunakan parkir kenderaan biasa yang kadang kala akan menyukarkan pergerakan kami.”**

**Azhari**

nyukarkan dia untuk melakukan urusan terutamanya di waktu puncak.

Menurutnya, orang awam seperti tidak peduli keperluan OKU dan sewenang-wenangnya menggunakan parkir tersebut tanpa segan silu.

“OKU juga seperti insan biasa yang perlu menjalankan aktiviti seharian seperti pergi ke bank atau sekadar keluar makan di restoran.

“Jika semua tapak parkir OKU sudah diambil terpaksa-

lah kami OKU ini menggunakan tapak kenderaan biasa yang kadang kala akan menyukarkan pergerakan kami,” katanya yang menggunakan kerusi roda.

Azhari berharap supaya kemudahan untuk OKU itu dipantau secara berterusan bagi mengelakkan ia disalahgunakan oleh mereka yang hanya mementingkan diri tanpa menghiraukan kesannya kepada orang lain.

Seorang lagi pemandu



**Antara kenderaan yang diletakkan di kawasan parkir OKU.**

OKU, Haliza Bakar, 30, melahirkan harapan yang sama dan berharap pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan par-

kir OKU.

“Pemantauan harus dilaksanakan ketika waktu puncak kerana ketika itulah kebanyakan petak itu digunakan oleh orang awam.

“Saya sendiri sukar menjalankan urusan dan kadang kala terpaksa pula berebut dengan mereka sedangkan ia memang dikhaskan untuk insan seperti saya,” katanya.